

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]
TARIKH : 18 JUN 2014
RUJUKAN : 6909

SOALAN:

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pekerja asing terkini mengikut negara asal mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif sehingga 30 April 2014 adalah seramai 1,980,743 orang. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Jumlah ini juga adalah termasuk jumlah PATI yang telah diputihkan dan dikeluarkan PLKS di bawah Program 6P dan Program Khas Pengurusan PATI (PKPP).

Pecahan pekerja asing mengikut 5 negara tertinggi pada 30 April 2014 adalah seperti berikut :

1. Indonesia	795,300 orang
2. Nepal	399,658 orang
3. Bangladesh	301,349 orang
4. Myanmar	150,472 orang
5. India	117,387 orang

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

YB Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pekerja berstatus kontrak di sektor awam pada masa ini. Melalui pemerhatian, terdapat segolongan pekerja kontrak ini tidak terjaga daripada segi gaji dan skop kerja yang tidak jelas. Apakah perancangan Kerajaan dalam memastikan kebajikan pekerja berstatus kontrak ini terjaga.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2013, bilangan pegawai kontrak dalam perkhidmatan awam adalah seramai 46,948 orang. Daripada jumlah tersebut, 41,615 (88.6%) adalah lantikan *Contract of Service* dan 5,333 (11.4%) adalah lantikan *Contract for Service*.

Pegawai *Contract of Service* adalah dilantik bersandarkan kepada skim perkhidmatan dan gred gaji yang berkuat kuasa sama seperti pegawai lantikan tetap. Oleh itu, dalam tempoh kontrak pegawai akan melaksanakan tugas berdasarkan skop tugas yang telah ditetapkan bagi jawatan yang dilantik dan dibayar gaji serta imbuhan tetap seperti mana yang diterima oleh pegawai tetap.

Bagi lantikan *Contract for Service* pula, pembayaran perkhidmatan pegawai serta fungsi tugas telah ditetapkan berdasarkan kepada perjanjian perkhidmatan yang ditetapkan oleh majikan.

Oleh itu tidak berbangkit soal gaji yang tidak terjaga dan skop fungsi yang tidak jelas. Kebajikan pekerja kontrak sentiasa diberi perhatian di mana sebarang kenaikan gaji dan pemberian bonus dalam perkhidmatan awam, bukan sahaja dinikmati oleh pegawai tetap tetapi juga pegawai kontrak.

Sekian. Terima kasih.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Loke Siew Fook [Seremban]

TARIKH : 18 JUN 2014(RABU)

SOALAN :

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah rancangan tebatan banjir dan bilakah projek menaiktaraf anak sungai dapat dilaksanakan untuk mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku di Kampung Baru Sikamat, Seremban.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan untuk menaik taraf sungai tersebut telah dibuat di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tetapi tidak diluluskan. Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) akan terus berusaha mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Persekutuan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

Pada tahun 2012, JPS telah menjalankan kerja-kerja membaiki tebing runtuh bagi menyelamatkan harta benda dan penduduk di Sungai Chimpa dengan kos sebanyak RM1 juta melalui perbelanjaan darurat bagi kerja-kerja kecemasan.

Untuk langkah jangka pendek, JPS bersedia membuang halangan di dalam sungai yang boleh menyebabkan aliran air terhalang dan menyebabkan banjir kilat berlaku. Walau bagaimanapun, tindakan tersebut hanya akan dapat dilaksanakan oleh JPS setelah mendapat persetujuan secara rasmi daripada setiap pemilik tanah yang terlibat di kawasan berkenaan.

Sekian, terima kasih.